

'Berpindah' ke UMP demi anak

Zaidah terpaksa tinggalkan keluarga untuk urus anak OKU di universiti

Hawa-Ainal Marhaton Abd Ghani
bhnews@bharian.com.my

KUANTAN: Kasih sa-
yang seorang ibu
yang sanggup ber-
buat apa saja demi kese-
jahteraan dan keselama-
tan anaknya terbukti apa-
bila seorang wanita
sanggup meninggalkan
kehidupan berkeluarga
untuk berada di sisi anak-
nya sejak hari pertama
memasuki universiti.

Bagi Zaidah Tamjis, 45,
keputusannya meninggalk-
kan sementara suami,
Apandi Abd Hadi, 45, yang
juga pesara tentera ber-
sama anak, Zakiah, 13, di
rumah mereka di Jalan
Gambang di sini, adalah
bagi membolehkannya
menjaga Siti Hawa, 19,
yang melanjutkan pelaja-
ran di Universiti Malaysia
Pahang (UMP), di sini.

Anak kedua Zaidah iaitu
Mustapha, 21, kini belajar



SANGGUP BERKORBAN: Zaidah membantu anaknya, Siti Hawa menyiapkan tugas di makmal komputer di UMP, semalam.

di Universiti Tun Hussein
Onn di Batu Pahat, Johor.

Siti Hawa yang meng-
hidap Spinal Muscular
Atrophy (SMA) Type 2
yang melemahkan urat sa-
rad dan menyebabkan ang-
gota tubuhnya mengecil
dari masa ke masa, kini di-
tahu dua pengajian Dip-
loma Sains Komputer se-
lepas memperoleh keputu-

san 5A, 4B dan 1C dalam
peperiksaan Sijil Pelaja-
ran Malaysia (SPM) 2006.

Penyakit SMA Type 2
menghalang pergerakan
penghidapnya bermula
daripada bayi dan penge-
saan awal hanya dilaku-
kan apabila bayi lewat me-
niarap, merangkak dan
berjalan kerana berlaku
pencecutan otot.

Zaidah berkata, keceka-
lan anaknya mengharu-
ngi hidup dengan penuh
kepayahan tetapi mampu
mencipta kejayaan sejak
di sekolah rendah, me-
nangkis tanggapan sinis
dilemparkan kepadanya.

"Selain Siti Hawa, anak
sulung kami, Musa yang
juga OKU meninggal du-
nia ketika berusia 17 ta-
hun kerana komplikasi
SMA, manakala anak
bongsu meninggal selepas
empat bulan dilahirkan.

"Sebenarnya, saya terki-
lan ada pihak memperti-
kaikan kemampuan Siti
Hawa memasuki univer-
siti, seolah-olah ia tidak
sesuai kerana hidupnya
100 peratus bergantung
kepada orang lain.

"Sebab itu, apabila dia
berjaya memasuki UMP,
saya nekad berada di sisi
membantunya belajar ke-
rana mahu membuktikan,
kecacatan tidak mengha-
lang Siti Hawa mencapai
cita-citanya menjadi Pe-
ngaturcara Komputer,"



KASIH IBU: Zaidah menolak Siti Hawa dengan kerusi roda ke dewan kuliah setiap hari.

"Saya terkilan ada
pihak mempertikaikan
kemampuan Siti
Hawa ke universiti,
seolah-olah ia tidak
sesuai kerana 100
peratus bergantung
kepada orang lain"

Zaidah Tamjis
ibu

katanya ketika ditemui di
UMP, semalam.

UMP menerusi Fakulti
Kejuruteraan Mekanikal &
(FKM) menghadihkan ke-
rusi roda elektrik berhar-
ga RM10,000 bagi memban-
tu Siti Hawa bergerak.

Zaidah berkata, pengor-
banannya menjaga Siti
Hawa dianggap berbaloi
apabila anaknya itu ce-
merlang setiap ujian se-
mester sehingga menda-
pat Anugerah Dekan.